




5 ~ 6 April 2010
UTeM Auditorium, Melaka

"Differences in Communication:
Embrace through Disclosure"



Proceedings of
**INTERNATIONAL
CONFERENCE ON
COMMUNICATION
DYNAMICS
2010**

Organised by Centre for Languages and Human Development
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Model Kemasukan dan Penyeleraan Penilaian Kemahiran Insaniah di UTeM

Tay Choo Chuan
Mohd Taib Dora
Izaidin Abdul Majid
Choo Yun Huoy
Mohd Fauzi Kamarudin
Mohd. Rizuan baharon.
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Abstrak

Kemahiran insaniah (generic skills) semakin dilihat penting di peringkat global pada masa kini. Terdapat permintaan yang tinggi terhadap kemahiran insaniah di tempat kerja. Para majikan umumnya cuba memastikan kejayaan perusahaan dan perniagaan mereka dengan cara mengambil dan mengekalkan pekerja-pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran dan atribut insaniah bagi melengkapi kemahiran teknikal mereka. Selain itu, kemahiran insaniah adalah penting memandangkan bidang pekerjaan kini memerlukan seseorang pekerja itu menjadi lebih fleksibel, berinisiatif dan mampu melaksanakan pelbagai tugas. Dalam hubungan ini, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai sebuah IPTA di Malaysia yang berteraskan teknikal dan ICT turut akur bahawa adalah amat relevan dan perlu untuk melengkapkan pakej graduannya dengan semua elemen KI supaya mereka akan lebih diterima dalam dunia kerjaya. Elemen-elemen kemahiran insaniah yang meliputi kemahiran berkomunikasi, pemikiran dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan seperti yang digubal oleh pihak KPT telah cuba diterjemah dan digubal pelaksanaannya secara praktikal dalam proses P&P di UTeM. Kajian ini bertujuan menyedia dan menguji model sebuah sistem secara atas talian bagi melaksanakan proses pemasukan markah, penyeleraan dan penentuan gred pelajar.

Katakunci: Kemahiran Insaniah (KI), Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Sistem KI atas talian.

Pengenalan

Kemahiran insaniah bukan sahaja penting untuk dihayati dalam kehidupan seharian malah juga penting untuk diimplementasikan dalam hidup bersosial semua peringkat masyarakat. Ia amat penting dalam menjana ekonomi dan kesejahteraan sesebuah negara yang dipacu oleh pihak kerajaan, swasta dan pengamal kerja sosial. Justeru, penekanan terhadap kemahiran insaniah ini perlu bagi memastikan ia dapat diterap dan diamalkan dengan menyeluruh dan berkesan dalam mencapai matlamat yang diimpikan. Memetik ucapan mantan Perdana Menteri Malaysia kelima, Tun Abdullah bin Ahmad Badawi, "Modal insan merupakan faktor penting yang akan membawa ke arah merealisasikan Wawasan 2020".

Di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia, elemen pembangunan insan mula dilaksanakan menerusi pelaksanaan Kemahiran Insaniah (KI) secara mandiri dan terapan ke atas semua subjek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).

Terdapat 7 elemen Kemahiran Insaniah yang telah dikenal pasti iaitu:

- a- Kemahiran Berkomunikasi
- b- Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah
- c- Kemahiran Kerja Berpasukan
- d- Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pengurusan Maklumat
- e- Etika dan Moral Profesional
- f- Kemahiran Keusahawanan
- g- Kemahiran Kepimpinan

Melalui elemen-elemen ini, proses penilaian dilaksanakan. Proses penilaian kemahiran insaniah ke atas setiap graduan yang dilahirkan merupakan salah satu proses dalam sistem pendidikan di IPTA mahupun IPTS. Sungguhpun proses ini sukar dibangunkan, inisiatif ini amat penting untuk menentukan sama ada pencapaian KI di kalangan pelajar IPT wujud atau sebaliknya. Malah, indeks KI perlu dibangunkan supaya setiap graduan yang dilahirkan melepasi indeks minimum KI yang ditetapkan.

Proses penilaian perlu berupaya untuk menaksirkan pencapaian pelajar secara konkrit dan objektif agar dapat digunakan penarafan terhadap pencapaian pelajar. Di UTeM sendiri, bermula sesi semester 1, 2008/2009, pelaksanaan penilaian KI telah mula dilaksanakan. PBPI telah diberikan amanah serta tanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaan KI secara bersepadu. Ini sesuai dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) sebagai peneraju utama menerapkan nilai-nilai kemahiran insaniah di kalangan para graduan di Malaysia.

Untuk melaksanakan penilaian KI ini beberapa proses perlu dilakukan. Proses-proses tersebut ialah proses pemasukan markah, proses penyelarasan dan proses penentuan gred pelajar.

Latar Belakang

Persaingan yang sengit industri pada saat ini amat memerlukan pekerja mahir yang kompeten untuk bersaing antara satu sama lain. Dalam proses pembangunan modal insan di universiti-universiti Malaysia, pihak universiti seharusnya menerapkan kesemua elemen kemahiran insaniah dalam setiap program akademik atau bukan akademik sama ada bersifat *stand alone* atau *embedded*. Proses pembinaan modal insan yang lengkap dari semua sudut adalah amat penting terutamanya modal insan yang dilahirkan untuk memenuhi kehendak industri. Pihak industri tidak mempunyai banyak masa untuk melatih pekerja dalam elemen kemahiran insaniah seperti kemahiran berpasukan dan pemikiran kritis. Pandangan ini telah dikemukakan oleh Shahrin Mohammad (2003:5) yang mana beliau menyatakan bahawa pihak industri tidak mempunyai masa untuk memberi latihan atau melatih kembali pekerja yang telah dilatih di mana-mana institusi atau pusat pengajian tinggi. Persekitaran pekerjaan sekarang amat memerlukan graduan yang dilahirkan serba lengkap yang dapat memenuhi kehendak industri dengan pantas seperti kemahiran insaniah yang sedia wujud dalam diri pekerja itu sendiri seperti kemahiran mengendalikan mesyuarat, pembentangan hasil kerja dan sebagainya. Justeru itu, universiti perlu melahirkan graduan yang berketerampilan dan bukan hanya menguasai dalam bidang dan jurusan masing-masing tetapi dilengkapi dengan kemahiran insaniah dalam penampilan mereka semasa berada dalam dunia pekerjaan. Hal ini perlu kerana suasana kerja yang serba mencabar dan memerlukan kekuatan fizikal dan mental yang amat mantap. Sekiranya graduan atau modal insan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi dapat memenuhi kehendak pasaran pekerjaan, maka masalah pengangguran graduan yang kurang berdaya saing atau kurang berketerampilan dapat dikurangkan

malahan dihapuskan. Perkara ini boleh diterima kerana majikan semestinya memerlukan pekerja yang bukan sahaja berpengetahuan dalam jurusan yang dipelajari, malahan juga boleh bekerjasama sesama pekerja dan majikan dalam meningkatkan produktiviti. Sehubungan dengan itu, modal insan berkualiti amat diperlukan oleh majikan tidak kira sama ada pihak kerajaan mahupun swasta, syarikat bersaiz kecil seperti IKS mahupun yang bersaiz besar seperti GLC dan lain-lain syarikat yang disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia ataupun tidak; semuanya menuntut untuk mendapatkan pekerja yang tergolong di dalam kategori pekerja yang berketrampilan dari sudut kemahiran insaniah dan pengetahuannya.

Maklum balas yang diperolehi daripada industri secara konsistennya menunjukkan bahawa majikan memerlukan bukan hanya ilmu teknikal atau teori semata-mata daripada graduan yang baru menamatkan pengajian. Persekitaran kerja menuntut pekerja untuk berfikir bagi menyelesaikan masalah sendiri, menganalisis masalah dan mencadangkan penyelesaian yang kreatif, memberi tindak balas pada masalah yang tidak terjangka dan membuat keputusan dalam menguruskan sesuatu urusan dengan memujuk dan meyakinkan pihak lain untuk bekerjasama.

Pernyataan Masalah

Dalam melaksanakan proses penilaian kemahiran insaniah di UTeM, sebuah sistem telah dibangunkan dan digunapakai oleh pelbagai pihak. Pengguna sistem ini akan membuat penilaian dan memasukan markah pada masa yang berlainan. Ini disebabkan oleh beberapa faktor penting. Di antara faktor tersebut ialah masa peperiksaan bagi sesuatu subjek berlainan, kekangan daripada penilai disebabkan sibuk dengan tugas lain dan bilangan pelajar yang terlalu ramai menyebabkan masa yang lama perlu diambil untuk melaksanakan kemasukan markah. Selain itu, proses penilaian KI ini melibatkan banyak aspek yang perlu diperhatikan dan dinilai. Di sebabkan aspek-aspek yang dinilai berbentuk subjektif, masalah lain pula timbul iaitu penyelarasan penilaian yang melibatkan pelbagai aras. Tambahan pula, kesilapan ejaan dan kesilapan pengiraan sering berlaku dikalangan pengguna sistem.

Oleh itu, untuk mempercepatkan dan memudahkan proses pemasukan dan penyelarasan penilaian serta mengurangkan kesilapan yang dilakukan oleh pengguna sistem, penambahbaikan perlu dilaksanakan. Sistem secara atas talian akan ditambah kepada sistem sedia ada agar dapat menerima serta menyelaraskan penilaian yang dibuat oleh pelbagai pihak pada masa yang berlainan secara tepat dan cepat.

Objektif Kajian

Memandangkan pendekatan KI ini lebih bersifat holistik dan mengandungi elemen-elemen generik, maka proses untuk melaksanakannya dalam subjek-subjek kejuruteraan agak rumit dan memerlukan sebuah sistem kemasukan dan penyelarasan penilaian kemahiran insaniah yang boleh digunapakai oleh pelbagai pihak.

Oleh itu, dapat digariskan di sini beberapa objektif kajian iaitu:-

- I. Membolehkan kemasukan penilaian KI di UteM dilaksanakan secara atas talian.
- II. Membolehkan kerja penyelarasan penilaian KI dibuat secara tepat dan automatik.
- III. Menyediakan laporan KI secara atas talian.

Metodologi Kajian

Pendekatan berasaskan objek, metodologi bersepadu dan pendekatan berlapis dipilih sebagai kaedah pembangunan projek ini kerana kaedah-kaedah ini menitikberatkan proses pengulangan dan guna semula sepanjang kitar hayat pembangunan sistem. Dengan ini, aplikasi yang dihasilkan akan lebih sempurna dari segi rekabentuknya. Pendekatan berlapis pula mempertingkatkan senibina sistem yang berlapis supaya objek-objek dapat dikategorikan mengikut kefungsiannya mereka. Dengan ini, kerja-kerja mengenalpasti masalah serta kerja-kerja pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah sepanjang pembangunan sistem dan juga pada masa akan datang.

Dapatan Kajian

Model kemasukan dan penyelerasan penilaian kemahiran insaniah di UteM ini terbahagi kepada 3 kumpulan pengguna, iaitu:-

- I. Pelajar
- II. Pensyarah dan Penasihat Akademik
- III. Pentadbir Sistem

I) PELAJAR

- Keputusan Pelajar (Kemahiran Insaniah)
- Keputusan Pelajar (Kemahiran Insaniah) – Cetak Keputusan
- Maklum Balas Pengguna

Keputusan Pelajar (Kemahiran Insaniah)

Keputusan Pelajar (Kemahiran Insaniah)

Nama: [Nama Pelajar]
 No. Pendaftaran: [No. Pendaftaran]
 Nama: [Nama Pelajar] Alamat: [Alamat Pelajar]
 Program (Dibayar): [Program Pelajar]

Keputusan Pelajar (Kemahiran Insaniah)

Keputusan	Keputusan	Keputusan	Keputusan	Keputusan	Keputusan	Keputusan
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31	32	33	34	35
36	37	38	39	40	41	42
43	44	45	46	47	48	49
50	51	52	53	54	55	56
57	58	59	60	61	62	63
64	65	66	67	68	69	70
71	72	73	74	75	76	77
78	79	80	81	82	83	84
85	86	87	88	89	90	91
92	93	94	95	96	97	98
99	100	101	102	103	104	105

[Tanda Tangan]
 [Tanda Tangan]
 [Tanda Tangan]

Keputusan Pelajar (Kemahiran Insaniah) - Cetak Keputusan

Keputusan Pelajar (Kemahiran Insaniah)


Nama: [Nama Pelajar]
 No. Pendaftaran: [No. Pendaftaran]
 Nama: [Nama Pelajar] Alamat: [Alamat Pelajar]
 Program (Dibayar): [Program Pelajar]

KEPUTUSAN PELAJAR KEMAHIRAN INSANIAH
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Nama: [Nama Pelajar]
 No. Pendaftaran: [No. Pendaftaran]
 Nama: [Nama Pelajar] Alamat: [Alamat Pelajar]
 Program (Dibayar): [Program Pelajar]

Keputusan	Keputusan	Keputusan	Keputusan	Keputusan	Keputusan	Keputusan
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31	32	33	34	35
36	37	38	39	40	41	42
43	44	45	46	47	48	49
50	51	52	53	54	55	56
57	58	59	60	61	62	63
64	65	66	67	68	69	70
71	72	73	74	75	76	77
78	79	80	81	82	83	84
85	86	87	88	89	90	91
92	93	94	95	96	97	98
99	100	101	102	103	104	105


Maklum Balas Pengguna



II) PENSYARAH DAN PENASIHAT AKADEMIK

- Kemasukan Markah Kemahiran Insaniah
- Penasihat Akademik(Kemahiran Insaniah)
- Penasihat Akademik(Kemahiran Insaniah) – Keputusan Pelajar
- Penasihat Akademik(Kemahiran Insaniah) – Cetak Keputusan
- Maklum Balas Pengguna

Kemasukan Markah Kemahiran Insaniah



Penasihat Akademik(Kemahiran Insaniah)

System: Kemahiran Insaniah

No. Data: 0105

Nama Penyarah: SAUD FAZAL, SHABUILLAH

Senarai Pelajar Yangikut Penasihat Akademik:

No	NO Matrik	NAMA PELAJAR	FAKULTI	TAJIR
1	00000012	ABDUL AZIZ HUSNAN	FTSK	0101
2	00000016	ABDUL RAHMAN ALI	FTSK	0101
3	00000078	AZ ZAHARA BINTI AZIZ	FTSK	0101
4	00000084	FAHRI HUSNAN	FTSK	0101
5	00000085	HAZRI HUSNAN	FTSK	0101
6	00000088	LEONORA DE VITO	FTSK	0101
7	00000095	MOHAMMAD ALI HUSNAN	FTSK	0101
8	00000101	MOHAMMAD YUSUF HUSNAN	FTSK	0101
9	00000102	MOHAMMAD YUSUF HUSNAN	FTSK	0101
10	00000106	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
11	00000127	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
12	00000131	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
13	00000132	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
14	00000133	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
15	00000134	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
16	00000135	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
17	00000136	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
18	00000137	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
19	00000138	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
20	00000139	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
21	00000140	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101
22	00000141	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101

Penasihat Akademik(Kemahiran Insaniah) – Keputusan Pelajar

System: Kemahiran Insaniah

No. Data: 0105

Nama Penyarah: SAUD FAZAL, SHABUILLAH

Keputusan Pelajar:

No	NO Matrik	NAMA PELAJAR	FAKULTI	TAJIR	KEPUTUSAN
1	00000012	ABDUL AZIZ HUSNAN	FTSK	0101	100
2	00000016	ABDUL RAHMAN ALI	FTSK	0101	100
3	00000078	AZ ZAHARA BINTI AZIZ	FTSK	0101	100
4	00000084	FAHRI HUSNAN	FTSK	0101	100
5	00000085	HAZRI HUSNAN	FTSK	0101	100
6	00000088	LEONORA DE VITO	FTSK	0101	100
7	00000095	MOHAMMAD ALI HUSNAN	FTSK	0101	100
8	00000101	MOHAMMAD YUSUF HUSNAN	FTSK	0101	100
9	00000102	MOHAMMAD YUSUF HUSNAN	FTSK	0101	100
10	00000106	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
11	00000127	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
12	00000131	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
13	00000132	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
14	00000133	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
15	00000134	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
16	00000135	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
17	00000136	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
18	00000137	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
19	00000138	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
20	00000139	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
21	00000140	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100
22	00000141	MUHAMMAD HUSNAN	FTSK	0101	100

Penasihat Akademik(Kemahiran Insaniah) – Cetak Keputusan

**KEPUTUSAN PELAJAR KEMAHIRAN INSANIAH
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

No. Rujukan: 00000000
 Nama Penerima: ROSNITA, NURHATI ESTHER, MARYAMAH
 Saiz Program: N2000000
 Bilangan: 201
 Tarikh: 07/11/2009
 Menerang: MNC, UTM MELAKA (MELAKA)

NO	KODAR	MAMPUAN	CIRI	TAMU	TANGGUNGJAWAB	GOLONGAN	TARIK	JENIS
1	00000000	KEBERSEKUTUAN KEMAHIRAN INSANIAH						
2	00000000	KEBERSEKUTUAN KEMAHIRAN INSANIAH						
3	00000000	KEBERSEKUTUAN KEMAHIRAN INSANIAH						
4	00000000	KEBERSEKUTUAN KEMAHIRAN INSANIAH						
5	00000000	KEBERSEKUTUAN KEMAHIRAN INSANIAH						

Maklum Balas Pengguna

Nama: SITI
 Nama Penerima: ROSNITA, NURHATI ESTHER, MARYAMAH
 Saiz Program: N2000000

Maklumat Status Pengiraan:

- III) PENTADBIR SISTEM
- Pendaftaran Bidang Kemahiran Insaniah
 - Pendaftaran Elemen Kemahiran Insaniah
 - Kiraan Markah Kemahiran Insaniah
 - Set Sesi Pengajian

Pendaftaran Bidang Kemahiran Insaniah

Urus-urus Bidang Kemahiran Insaniah

Kategori:

Kategori Group:

Kategori Code:

NO	KELOMPOK	LOKASI
001	KELOMPOK 1	LOKASI 1
002	KELOMPOK 2	LOKASI 2
003	KELOMPOK 3	LOKASI 3
004	KELOMPOK 4	LOKASI 4
005	KELOMPOK 5	LOKASI 5
006	KELOMPOK 6	LOKASI 6
007	KELOMPOK 7	LOKASI 7
008	KELOMPOK 8	LOKASI 8
009	KELOMPOK 9	LOKASI 9
010	KELOMPOK 10	LOKASI 10
011	KELOMPOK 11	LOKASI 11
012	KELOMPOK 12	LOKASI 12
013	KELOMPOK 13	LOKASI 13
014	KELOMPOK 14	LOKASI 14
015	KELOMPOK 15	LOKASI 15
016	KELOMPOK 16	LOKASI 16
017	KELOMPOK 17	LOKASI 17
018	KELOMPOK 18	LOKASI 18
019	KELOMPOK 19	LOKASI 19
020	KELOMPOK 20	LOKASI 20
021	KELOMPOK 21	LOKASI 21
022	KELOMPOK 22	LOKASI 22
023	KELOMPOK 23	LOKASI 23
024	KELOMPOK 24	LOKASI 24
025	KELOMPOK 25	LOKASI 25
026	KELOMPOK 26	LOKASI 26
027	KELOMPOK 27	LOKASI 27
028	KELOMPOK 28	LOKASI 28
029	KELOMPOK 29	LOKASI 29
030	KELOMPOK 30	LOKASI 30

Pendaftaran Elemen Kemahiran Insaniah

Kategori:

Kategori Group:

No	Elemen	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	
001	Elemen 1																					
002	Elemen 2																					
003	Elemen 3																					
004	Elemen 4																					
005	Elemen 5																					
006	Elemen 6																					
007	Elemen 7																					
008	Elemen 8																					
009	Elemen 9																					
010	Elemen 10																					
011	Elemen 11																					
012	Elemen 12																					
013	Elemen 13																					
014	Elemen 14																					
015	Elemen 15																					
016	Elemen 16																					
017	Elemen 17																					
018	Elemen 18																					
019	Elemen 19																					
020	Elemen 20																					

Kesimpulan

Kajian ini telah membentangkan bahawa kemahiran insaniah (generic skills) semakin dilihat penting di peringkat global pada masa kini. Terdapat permintaan yang tinggi terhadap kemahiran insaniah di tempat kerja. Para majikan umumnya cuba memastikan kejayaan perusahaan dan perniagaan mereka dengan cara mengambil dan mengekalkan pekerja-pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran dan atribut insaniah bagi melengkapi kemahiran teknikal mereka. Selain itu, kemahiran insaniah adalah penting memandangkan bidang pekerjaan kini memerlukan seseorang pekerja itu menjadi lebih fleksibel, berinisiatif dan mampu melaksanakan pelbagai tugas. Dalam hubungan ini, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai sebuah IPTA di Malaysia yang berteraskan teknikal dan ICT turut akur bahawa adalah amat relevan dan perlu untuk melengkapkan pakej graduannya dengan semua elemen KI supaya mereka akan lebih diterima dalam dunia kerjaya. Elemen-elemen kemahiran insaniah yang meliputi kemahiran berkomunikasi, pemikiran dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan seperti yang digubal oleh pihak KPT telah cuba diterjemah dan digubal pelaksanaannya secara praktikal dalam proses P&P di UTeM.

Dalam hubungan ini, UTeM telah mengambil pendekatan bersepadu dalam melaksanakan pembangunan KI dalam kalangan pelajarannya. Namun demikian, pelaksanaannya masih lagi boleh dianggap sebagai berada di tahap penggubalan dan permulaan. Ketiga-tiga pendekatan seperti yang dicadangkan dalam Modul Pembangunan KI Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah diadaptasikan untuk dilaksanakan di UTeM. Pendekatan-pendekatan tersebut termasuklah pembangunan KI berasaskan aktiviti formal P&P, pembangunan KI berteraskan program sokongan dan pembangunan KI berasaskan kehidupan di kampus.

Bagi melaksanakan pendekatan-pendekatan ini, pihak pengurusan tertinggi UTeM telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan satu jawatankuasa induk yang terdiri daripada tiga jawatankuasa kecil bagi menggubal dan melaksanakan KI di UTeM. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah Jawatankuasa 1 yang bertanggungjawab membangunkan KI berasaskan aktiviti formal P&P, Jawatankuasa 2 yang bertanggungjawab membangunkan KI berasaskan program sokongan dan Jawatankuasa 3 yang bertanggungjawab membangunkan KI melalui aktiviti kehidupan di kampus. Pusat bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) pula telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan pembangunan KI ini di peringkat UTeM. Penerimaan terhadap cadangan pelaksanaan KI secara keseluruhan bolehlah dianggap memuaskan di kalangan staf akademik UTeM. Pihak pengurusan tertinggi juga telah memberikan sokongan dengan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa bertindak seperti yang telah dinyatakan pada bahagian awal kertas kerja ini.

Namun demikian terdapat beberapa cabaran dalam proses penggubalan dan pelaksanaan KI ini. Pertamanya ialah dari segi tanggungjawab untuk menggubal kaedah pelaksanaan dan penilaian KI. Tugas ini perlu dibuat dengan teliti dengan merujuk kepada amalan dan pengalaman IPTA-IPTA yang lain. Seterusnya persetujuan daripada semua pihak di UTeM untuk menerima cadangan tersebut perlu diusahakan.


Kajian ini merupakan satu inisiatif yang baik dalam usaha merangka dan menggubal satu sistem pengkalan data yang mesra pengguna dan *reliable*. Namun demikian, semua pihak diharap dapat memberikan komitmen secara bersepadu bagi memastikan pelaksanaan dan penambahbaikan kepada sistem pengkalan data ini dapat dijayakan. Antara factor terpenting ialah penglibatan dan

kerjasama secara berterusan daripada pihak Pusat Komputer UTeM terutama dalam aspek penambahbaikan kepada system yang dicadangkan ini. Keduanya dari segi memberikan pendedahan kepada semua staf akademik di UTeM. Tanpa pendedahan yang jelas penerimaan terhadap perkara ini juga akan terbatas. Pihak pengurusan UTeM melalui Pusat Pengajaran dan Pembelajaran telah menjalankan beberapa sesi kursus pendedahan KI kepada staf akademik. Usaha ini seharusnya diteruskan supaya ia dapat meliputi seluruh warga akademik UTeM. Seterusnya, tidak kurang penting ialah cabaran untuk memberikan seluas-luasnya pendedahan dan kesedaran di kalangan pelajar tentang perlunya mereka memastikan bahawa KI ini penting untuk melengkapkan diri untuk bersaing dalam bidang kerjaya mereka. Dengan itu mereka perlu sentiasa peka dan cuba melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan-kegiatan di kampus bagi memperoleh markah yang tinggi untuk KI mereka.

Kesimpulannya, bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan KI di UTeM, semua pihak perlu menerima hakikat bahawa KI adalah penting untuk dilaksanakan dan seterusnya komitmen yang padu harus diwujudkan. Semua ini akan lebih mudah dilaksanakan jika sekiranya semua pihak serius dalam menerima dan melaksanakan KI di peringkat universiti.

RUJUKAN

- [1] Ali Bahrami (1999). "Object Oriented Systems Using The Unified Modeling Language." USA: Irwin McGraw-Hill, 5-6, 28-32, 44-54.
- [2] Satzinger, J.W., Jackson, R.B. dan Burd, S.D. (2000). "System Analysis and Design in A Changing World." Cambridge: Thomson Learning. 62-90, 216-252, 325-341.
- [3] Hung, Q. dan Nguyen (2001). "Testing Applications On The Web. Test Planning For Internet-based System." USA: Wiley Computer Publishing. 33-47, 185-196.



INTERNATIONAL
CONFERENCE ON
COMMUNICATION
DYNAMICS

2010



Penerbit Universiti
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

ISBN 978-983-2948-75-9



9 789832 948759 >